

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggota Perkhidmatan Awam yang telah dipecat sejak Mei 2018. Mohon diberikan sebab-sebab pemecatan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 1 Jun 2019, seramai **2,263 orang** telah ditamatkan perkhidmatan mereka. Ini adalah kerana melakukan kesalahan tatakelakuan/tatatertib dan berprestasi rendah (*exit policy*) serta tamat kontrak perkhidmatan disebabkan oleh pembubaran agensi dan tiada keperluan untuk meneruskan kontrak berkenaan berdasarkan tugas pegawai yang bersifat politik setelah pilihanraya. Perincian penamatan berkenaan adalah seperti berikut:

Perkara	Tahun 2018	Tahun 2019
<i>Exit Policy</i> (berprestasi rendah)	0	4
Buang Kerja (Tatatertib)	691	188 (Jun 2019)
Penamatan Kontrak (<i>Contract of Service</i>)	1,384 (Mei 2018 – kini)	
JUMLAH (1 Januari 2018 sehingga 1 Jun 2019)	2,263 pegawai	